

itu cari pula tugas yang baru. Barulah kamu boleh bertukar menjadi insan yang rajin.

Perbezaan matlamat yang bermain dalam minda bakal menentukan bagaimanakah jati diri kamu terbentuk. Sesuai dengan realiti kehidupan bahawa proses pembelajaran sepanjang hayat yang bermula sejak dalam buaian sehingga ke liang lahad. Walaupun pada awalnya terdapat sedikit tekanan. Namun lama-kelamaan alah bisa tegal biasa.

3 MELETAKKAN TARGET BAGI SETIAP MASA

LETAKKAN sasaran yang mahu dicapai untuk jangka waktu yang singkat. Meliputi sasaran mingguan, sasaran harian dan juga sasaran untuk setiap beberapa jam. Biarpun kedengarannya agak renyah, namun ini menyebabkan kamu sentiasa ada aktiviti bermanfaat untuk diisi pada setiap waktu. Kamu tidak akan menjadi manusia yang hidup tanpa tujuan.

4 AJAK KAWAN-KAWAN

BAGI yang belum ada kumpulan belajar, sila ajak rakan-rakan yang lain untuk membentuknya, agar kamu boleh bersama-sama membuat perancangan dengan lebih kreatif hasil gabungan daripada beberapa idea. Tambahan pula, apabila melaksanakannya secara berteman, kamu boleh saling mengingatkan dan saling memberi sokongan antara satu sama lain.

Persaingan yang berkesan menjadi secara tidak langsung, akan memberi dan segan akan lahir apabila rakan-rakan yang lain sudah maju ke depan sedangkan diri kamu masih merangkak-rangkak.

5 JANGAN BERHENTI

SETELAH selesai melaksanakan senarai tugas hari ini, tuliskan pula senarai tugas untuk esok. Jangan berhenti dan terus berpuas hati jika hari ini kamu berjaya melaksanakan segala tugas dengan baik. Cabar diri dengan sesuatu yang lebih susah pada masa akan datang.

Ingat, tugas untuk esok perlu menaraikan pada hari ini, bagi

memastikan minda kamu bersedia untuk melaksanakannya. Jika bertangguh, mungkin pada esok hari emosi malas akan berbisik kepada hati, "Apa salahnya jika berehat hanya untuk satu hari. Lagipun semalam sudah bersusah payah".

6 SASARAN PERLU BERSAHABAT DAN REALISTIK

JANGAN terlalu tinggi sehingga menimbulkan tekanan yang melampau. Usah terlalu banyak sehingga terus rasa kusut dan berseberut untuk memulakannya. Tidak perlu terlalu sukar sehingga anda sendiri tidak yakin berjaya menyiapkannya. Jangan pula terlalu kecil sehingga diri berasa sangat selesa. Bimbang nanti, sampai bila-bila pun peningkatan kualiti diri tidak akan bertaku.

7 PENINGKATAN SECARA BERTERUSAN

BERPEGANGLAH kepada prinsip mahu menjalani hari ini yang lebih baik daripada semalam dan esok lebih baik daripada hari ini. Mulakan meletak sasaran pada tahap yang biasa dan mampu dicapai. Hari demi hari tingkatkan sasaran. Adalah lebih baik berpegang pada kata-kata sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit berbanding buat banyak sekali gus tetapi hanya sekali sahaja tanpa istiqamah.

SEKARANG BUKANNYA NANTI

MULA dengan menenaraikan tugas yang perlu dilaksanakan sekarang. Bukannya nanti, bukannya 2 jam lagi, bukannya esok. Jika tidak, sampai bila-bila pun langkah pertama tidak akan bermula.

9 USAH NANTI SAAT PALING SESUAI

JANGAN tunggu sehingga ada rakan yang pandai, barulah mahu belajar. Jangan menanti sudah ada peralatan lengkap dan set per warna-warni, barulah nak

menulis nota. Usah tunggu sudah ada kamus elektronik barulah mula membaca bahan bacaan dalam bahasa kedua atau ketiga. Jangan menggunakan alasan, kecukupan kelengkapan menjadikan proses pembelajaran lebih cepat dan efektif. Sedangkan masa yang diambil untuk menunggu itu adalah lebih lama san terbuang begitu sahaja.

Dalam situasi yang lain, kita asyik membaca perenggan pertama dalam sebuah petikan atau asyik meneliti muka surat pertama dalam sebuah buku, kerana mahu mendapatkan pemahaman yang mantap. Nanti sampai bila-bila pun tidak akan habis. Teruskan sahaja pembacaan sehingga selesai. Biasanya kamu akan lebih faham setelah mendapat gambaran secara keseluruhan dan dapat menjalinkan perkaitan setiap fakta.

10 JANGAN PUTUS ASA SEKIRANYA

gagal melaksanakan semua tugas seperti yang telah disenaraikan, sila kenal pasti puncanya. Mungkin berpunca daripada senarai tugas yang tidak realistik atau sebab diri sendiri yang tidak berdisiplin. Maka ubahlah salah satu faktor itu mengikut kesesuaian. Jika silap diri sendiri, selesaikan segala galangan dan pastikan tidak akan berulang kembali.

Contohnya kamu gagal menyiapkan *homework* kerana leka melayan rakan dalam *facebook*. Maka, pastikan tiada akses internet ketika sasaran belum tercapai. Setelah selesai, jadikannya sebagai hadiah dengan mengakses internet selama jangka waktu yang telah ditetapkan.

Usah buang masa. Jangan kata tangguh lagi atau menunggu lebih lama untuk memulakan proses mengulang kaji. Jika anda berkata "nanti" atau "tunggu dulu" pada hari ini, percayalah bahawa pada esok, lusa, minggu depan, bulan depan dan hari-hari berikutnya kamu masih menggunakan ayat yang sama untuk terus bertangguh.

Selamat maju jaya. Mulakan tahun ini dengan semangat yang berkobar-kobar.